



POLISI LATIHAN INDUSTRI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Diterbitkan oleh

**Bahagian Hal Ehwal Akademik
Universiti Teknologi MARA
40450, Shah Alam, Selangor D.E.**

Telefon : 03-55211645/55443487
Faksimili : 03-55442820

Bahagian Hal Ehwal Akademik

**POLISI
LATIHAN INDUSTRI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
2015**

Isi Kandungan

Pengenalan

1.0	Takrifan	2
2.0	Kursus Latihan Industri	4
3.0	Tanggungjawab Pelajar	6
4.0	Tanggungjawab Penyelia di Fakulti/Kampus	7
5.0	Tanggungjawab Penyelia di Hos Organisasi	8

Pengenalan

Polisi Latihan Industri ini digunakan sebagai sumber rujukan utama untuk seluruh sistem UiTM khususnya di dalam menyeragamkan proses dan pengurusan kursus Latihan Industri pelajar. Ianya juga menjadi sumber rujukan utama pembentukan garis panduan latihan industri bagi setiap Fakulti/Kampus UiTM.

Polisi ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat ke 198 pada 5 Mac 2015. Kelulusan penurunan kuasa pelaksanaan dan pengesahan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) diperolehi pada Mesyuarat LPU ke 145 bertarikh 17 Mac 2015.

Polisi Latihan Industri ini terpakai bagi pelajar Sijil, Diploma dan Sarjana Muda bagi semua mod pengajian.

Latihan Industri membantu pelajar mendapat pendedahan dan pengalaman dunia kerjaya di hos organisasi yang berkaitan selaras dengan hasrat Universiti melahirkan modal insan kelas pertama yang berpengetahuan, berdaya-saing, berfikiran kreatif, inovatif, kritis dan analitikal serta berkeترampilan. Di samping itu, ianya mampu melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran teknikal dan insaniah untuk mempertingkatkan kebolehpasaran (*marketability*) dan kemahiran bolehkerja (*employability skill*) pelajar bagi memenuhi keperluan tenaga kerja semasa.

1.0 TAKRIFAN

1.1 Latihan Industri

Latihan industri adalah merujuk kepada penempatan pelajar di hos organisasi sama ada di luar ataupun di dalam negara untuk mendapatkan pengalaman dan pendedahan sebenar pekerjaan yang diselia dalam satu tempoh jangka masa yang ditetapkan sebelum mereka dianugerahkan Sijil, Diploma atau Sarjana Muda.

1.2 Hos Organisasi

Hos Organisasi bermaksud syarikat, jabatan kerajaan atau badan berkanun yang bersetuju menerima pelajar untuk menjalani latihan dalam satu tempoh tertentu mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

1.3 Fakulti/Kampus/Pusat

Fakulti/Kampus/Pusat yang bertanggungjawab ke atas kursus latihan industri di peringkat Sijil, Diploma, Sarjana Muda bagi memenuhi syarat bergraduat.

1.4 Koordinator Latihan Industri

Koordinator Latihan Industri adalah pensyarah yang dilantik untuk bertanggungjawab dalam menguruskan semua perkara berkaitan dengan latihan industri di peringkat Fakulti/Kampus.

1.5 Pensyarah Penilai Latihan Industri

Pensyarah Penilai Latihan Industri adalah pensyarah yang dilantik di peringkat Fakulti/Kampus bagi menyelia penilaian Latihan Industri pelajar dalam tempoh Latihan Industri dan boleh juga merangkap sebagai Pensyarah Pemantau dalam tempoh Latihan Industri.

1.6 Penyelia Industri

Penyelia Industri adalah pegawai industri yang berkelayakan serta berpengalaman untuk menyelia dan memberi tunjuk ajar kepada pelajar sepanjang tempoh Latihan Industri.

1.7 Buku Log

Buku Log merupakan buku catatan kerja harian para pelajar dan penilaian akan dibuat terhadap pelbagai aktiviti/tugasan yang berkaitan serta catatan/komen mingguan oleh Penyelia Industri.

1.8 Garis Panduan Pembelajaran

Garis panduan pembelajaran yang diwujudkan oleh Hos Organisasi atau Fakulti atau kedua-dua pihak bagi menyenaraikan skop tugas spesifik pelajar dalam bidang pengkhususan sepanjang tempoh Latihan Industri agar mendapat pendedahan dan pengalaman yang berguna.

1.9 Agensi Kelayakan Malaysia

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) merupakan badan tunggal yang berfungsi untuk menyelia dan menyelaraskan jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi Negara. Peranan utama MQA adalah untuk melaksanakan Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF) sebagai landasan sistem jaminan kualiti pengajian tinggi dan titik rujukan kriteria dan standard kelayakan kebangsaan.

2.0 KURSUS LATIHAN INDUSTRI

Kursus Latihan Industri di peringkat pengajian Sijil, Diploma dan Sarjana Muda di Universiti Teknologi MARA adalah salah satu syarat penganugerahan Sijil, Diploma dan Sarjana Muda tertakluk kepada pelan pengajian kurikulum terkini yang diluluskan Senat.

Kursus Latihan Industri adalah termasuk:

- 2.1 Program profesional yang dikawal selia oleh badan profesional yang menganugerahkan akreditasi seperti:
 - 2.1.1 Kejuruteraan
 - 2.1.2 Seni Bina
 - 2.1.3 Ukur Bahan
 - 2.1.4 Perakaunan
 - 2.1.5 Undang-undang

- 2.2 Program-program pengajian yang mewajibkan latihan klinikal mengikut keperluan badan profesional yang menganugerahkan akreditasi seperti:
 - 2.2.1 Perubatan
 - 2.2.2 Farmasi
 - 2.2.3 Pergigian
 - 2.2.4 Sains Kesihatan

- 2.3 Program-program pengajian bidang pendidikan di mana semua pelajar bidang ini perlu menjalani latihan mengajar/praktikum sebagai salah satu syarat yang mesti dipatuhi oleh guru pelatih. Keperluan ini adalah bagi mempraktikkan segala teori dan kaedah pedagogi yang telah dipelajari.

2.4 MQA telah menggariskan Latihan Industri sebagai syarat bergraduat bagi sesetengah program. Program-program pengajian lain yang difikirkan wajar menjalani Latihan Industri oleh penyedia pendidikan tinggi (Higher Education Providers) sebagai salah satu aktiviti pembelajaran yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran adalah seperti bidang yang berikut:

2.4.1 Pengurusan Perniagaan

2.4.2 Seni Persembahan

2.4.3 Sains Komputer

2.4.4 Teknologi Maklumat

2.4.5 Komunikasi Massa

2.4.6 Hotel dan Pelancongan

2.4.7 Pertanian

Ada juga diantara program yang meletakkan Latihan Industri sebagai pilihan.

3.0 TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- 3.1 Kursus Latihan Industri diwajibkan kepada semua pelajar peringkat pengajian iaitu Sijil, Diploma dan Sarjana Muda bagi memenuhi syarat penganugerahan Sijil, Diploma dan Sarjana Muda.

- 3.2 Pelajar perlu lulus Latihan Industri sebagaimana yang telah ditetapkan dalam pelan pengajian.

4.0 TANGGUNGJAWAB PENYELIA DI FAKULTI/ KAMPUS

- 4.1 Penempatan Latihan Industri di Hos Organisasi yang berkepentingan dan wujud pertalian persaudaraan adalah tidak dibenarkan.
- 4.2 Penyelia industri perlu menyemak buku log pelajar secara berkala sepanjang tempoh latihan industri.
- 4.3 Penggredan dan Penilaian dibuat melalui kaedah pemerhatian di tempat kerja/latihan, laporan dari penyelia dan buku log pelajar.
- 4.4 Penilaian perlu mengikut rubrik yang disediakan oleh Fakulti/Kampus.

5.0 TANGGUNGJAWAB PENYELIA DI HOS ORGANISASI

- 5.1 Penempatan Latihan Industri pelajar perlu mendapat KELULUSAN Fakulti/Kampus.
- 5.2 Perlantikan Pensyarah Penilai Latihan Industri untuk pelajar-pelajar ditentukan oleh Fakulti/Kampus
- 5.3 Pemantauan ke tempat Latihan Industri perlu dilakukan oleh Pensyarah Penilai Latihan Industri sekurang-kurangnya sekali sepanjang tempoh Latihan Industri.
- 5.4 Penyeliaan/pengawasan Latihan Industri hendaklah diuruskan oleh pensyarah UiTM kampus negeri yang berdekatan dengan Hos Organisasi.
- 5.5 Tempoh latihan industri yang digariskan oleh Dasar Latihan Industri, IPT adalah diantara 12 minggu hingga 56 minggu.
- 5.6 UiTM juga membenarkan pelajar menjalani Latihan Industri sehingga setahun (12 bulan). Walaubagaimanapun perlulah tertakluk kepada badan yang memberi akreditasi dan tidak memberi implikasi kepada struktur pengajian dalam bidang berdasarkan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Pendidikan Tinggi Negara (MPTN).

RUJUKAN

Dasar Latihan Industri Institusi Pengajian Tinggi. (2010). Kementerian Pengajian Tinggi. Malaysia.

Peraturan Akademik. (2011). Guidelines to Good Practices : Curriculum Design dan Delivery. MQA

www.mqa.gov.my

